



مجلس باندراي ملاك برسجاره
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH
BANDARAYA WARISAN DUNIA

KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
MBMB/SH/2024/78 KERJA BAIK PULIH DAN NAIK TARAF TANDAS DI KM 1 SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI PANTAI PUTERI, MELAKA BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH Peruntukan : MOTAC Tarikh Kelulusan : 05/06/2024 No. Fail Jabatan : MBMB/JK/00843(P)	<u>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</u> Gred G1 (Daerah Melaka Tengah) Kategori CE Pengkhususan CE21	<u>HARGA</u> RM10.00 * Tidak akan dikembalikan <u>TARIKH</u> 6 Jun 2024 (Khamis) sehingga 13 Jun 2024 (Khamis)	TIADA *(Penyebut harga diminta melihat sendiri keadaan tapak bagi proses mengisi harga dan segalanya adalah atas tanggung jawab sendiri)	<u>TARIKH</u> 13 Jun 2024 (Khamis) pada jam 12.00 tengahari Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka. ----- Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **6 Jun 2024 (Khamis) sehingga 13 Jun 2024 (Khamis)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,
DATUK BANDAR
Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah

sk : Datuk Bandar
Setiausaha Bandaraya
PK
Ketua Audit Dalam